

HARI : SELASA  
TARIKH : 10/12/2019  
M/SURAT : 13

Majlis makan malam Wawasan Kemakmuran Bersama

# Program jadi pentas ganyang Anwar

Setiausaha Agung PKR bimbang ucapan berbaur fitnah

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nsp.com.my

**Putrajaya:** Pengajuran majlis makan malam bertemakan 'Wawasan Kemakmuran Bersama' oleh beberapa kepimpinan PKR di ibu negara malam kelmarin, dilihat menjadi pentas menyerang dan mengganyang Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata menganjurkan program atas dasar kemakmuran bersama tidak melanggar disiplin parti, namun isi ucapan dibimbangi berbaur fitnah.

"Saya baru tahu semalam (kelmarin) perjumpaan 'Wawasan Kemakmuran Bersama', jadi kita bersangka baik kerana barangkali itu pendekatan menerangkan bagaimana jurang ekonomi penduduk bandar dan luar bandar.

"Juga adakah kekayaan negara diagih dengan adil, itu konsep falsafah kemakmuran bersama.

"Saya pun tidak tahu sama ada tajuk itu dikupas, tetapi yang saya baca daripada laporan media adalah ucapan pemimpin parti dan penjelasan kemakmuran bersama itu ialah ekonomi Malaysia



Penyokong Mohamed Azmin pada majlis makan malam Wawasan Kemakmuran Bersama di Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto Syarfaiq Abd Samad/BH)

akan lebih makmur kalau Anwar terus diserang.

"Ekonomi Malaysia akan pulih luar biasa hanya dengan mengganyang Anwar, itu yang saya dapat dari semalam (kelmarin), itu mesejnya," katanya secara siniis pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini, semalam.

Beliau merujuk majlis makan malam di sebuah hotel di ibu negara malam kelmarin, yang dihadiri beberapa pemimpin PKR seperti Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Naib Presiden, Zuraida Kamaruddin, Tian Chua serta Ali Biju.

Mohamed Azmin ketika berucap antara lain berkata, tidak rela digelar pengkhianat oleh sebilangan pemimpin dan ahli parti itu yang dipercayai menyebelahi Anwar.

Beliau yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi turut mengkritik Anwar secara terbuka yang disifatkan sebagai gagal mengawal ahli parti sendiri.

Saifuddin berkata, ucapan kepimpinan parti lebih baik jika disampaikan pada sesi penggulungan Kongres Nasional Keadilan yang berakhir kelmarin.

"Itu tindakan lebih tepat, tindakan yang kurang manis adalah tidak hadir ketika penggulungan, tetapi membuka platform lain



Saifuddin Nasution Ismail

untuk menjawab," katanya.

Saifuddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata anggota parti boleh membuat pernilaian sendiri berhubung intipati ucapan beberapa pimpinan parti pada majlis makan malam berkenaan.

"PKR sebuah parti yang sudah matang, sudah 20 tahun, jangan memandang rendah kebijaksanaan anggota parti.

"Mereka datang dengan kematangan, tengok tingkah kepimpinan, baca perlombagaan parti, tahu mengenai disiplin organisasi.

"Mereka tahu apa yang dibuat, tahu pemimpin yang ada kerendahan hati, mana yang angkuh, mana yang betul-betul nak menjalui perubahan, ia mesti dalam kerangka batasan parti," katanya.

Beliau mengakui lebih suka mengambil pendekatan perdataan yang disuarakan Anwar dan sejawarnya diterima baik.

"Tidak boleh di satu nafas berkata kamu masih ketua saya, satunafas lain kamu lanyak. Tidak boleh ada jurang antara yang diperkatakan dengan yang dibuat," katanya.

Ditanya sama ada pemimpin tertentu perlu dipanggil bagi memberi penjelasan atau dikecakan tindakan, beliau berkata, perkara itu terpulang kepada anggota tertentu dalam parti.

"Itu terpulang kepada mana-mana anggota, kalau perlu mereka buat, mereka buatlah," katanya.